

30 SEP 2003

Aman-Memorandum

AMAN MALAYSIA AKAN SERAH MEMORANDUM RAYUAN KEAMANAN 2

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) akan menyerahkan Memorandum Rayuan Keamanan 2 bagi menyatakan pendirian rakyat Malaysia mengenai keamanan sejagat semasa berlangsungnya sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya dari 11 hingga 18 Okt ini.

Pengerusi Manifesto Aman Malaysia Datuk Dr Zambry Abdul Kadir berkata memorandum enam perkara itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 12 Okt.

Katanya memorandum yang hampir siap itu antara lain meminta OIC menjadi satu badan penyelesaian konflik yang berkesan dan penyubur perpaduan ummah yang saling menghormati kepelbagaian bangsa dan bahasa, menggerakkan kemajuan ilmu dan ekonomi serta menentang sebarang pertikaian dan peperangan sesama anggota.

"Adalah menjadi harapan kita agar OIC selaku badan yang mewakili aspirasi 1.2 bilion umat Islam mampu bertindak proaktif dan kolektif dalam menyuarakan bantahan terhadap penindasan yang dilakukan ke atas Palestin dan Iraq," katanya.

Beliau berkata demikian pada persidangan berita bersama Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Datuk N. Siva Subramaniam dan Presiden Persatuan Graduan Muda Malaysia Quek Ngee Meng di sini hari ini.

Dr Zambry berkata memorandum itu juga mendesak kuasa-kuasa besar mewujudkan keamanan berkekalan di Iraq dengan proses pilihan raya ditadbir oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) serta ditentukan oleh rakyat Iraq sendiri.

"Hak dan kedaulatan, sumber ekonomi dan warisan tamadun Iraq hendaklah dipelihara dan dikembalikan kepada rakyat dan negara itu," katanya.

Beliau berkata memorandum itu juga akan diserahkan kepada ketua-ketua negara yang menyertai persidangan itu selain kepada wakil kuasa-kuasa besar yang berada di negara ini.

"Pendirian yang kita ambil bukan sahaja mendapat sokongan umat Islam, malah kaum-kaum lain, dan ini membuktikan bahawa kita serius dan cintakan keamanan dan perdamaian seluruh jagat raya," katanya.

Katanya lebih 100 badan bukan kerajaan (NGOs) dijangka menyertai pelbagai program yang akan dianjurkan oleh Aman Malaysia dan semua lapisan masyarakat dijemput untuk menyertainya.

Sementara itu, Siva Subramaniam berkata penyertaan semua golongan masyarakat yang tidak mengira agama, bangsa dan kaum membuktikan pendirian rakyat negara ini yang cintakan kedamaian dan keamanan sejagat.

-- BERNAMA

NER KHY RON